

Mahkamah tangguh dengar kes Bersih 2.0 saman KDN hingga 19 Sept
The Malaysian Insider
17 Ogos, 2011
By Melissa Chi

KUALA LUMPUR, 17 Ogos — Mahkamah Tinggi menagguhkan kes mencabar Menteri Dalam Negeri berhubung keputusannya mengharamkan Bersih 2.0 awal bulan lalu sehingga pertengahan bulan depan.

Pasukan Jabatan Peguam Negara yang diketuai Datuk Kamaludin Mohd Said memberitahu pemberita bahawa mereka telah membangkitkan dua bantahan di mahkamah hari ini.

Hakim Datuk Rohana Yusof menetapkan 19 September dalam kamar selepas menemui pihak-pihak terbabit hari ini.

Pejabat Peguam Negara memfailkan permohonan bagi mengetepikan permohonan oleh kumpulan dikenali Bersih 2.0 yang mahu diadakan semakan kehakiman bagi menolak satu perintah bahawa kumpulan itu adalah sebuah pergerakan haram.

Pada 8 Julai, 14 anggota jawatankuasa pemandu pergerakan itu termasuk Datuk S. Ambiga mengemukakan permohonan bagi semakan kehakiman itu dengan menamakan Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara dan kerajaan sebagai responden.

Mereka diwakili peguam Tommy Thomas, Fahri Azzat dan K. Shanmuga manakala responden diwakili Peguam Kanan Persekutuan Datuk Kamaludin Md Said, Azizan Md Arshad dan Andi Razalijaya A. Dadi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mahkamah-tangguh-dengar-ke-s-bersih-2.0-saman-kdn-hingga-19-sept/>